

29/11/1998

Kerjasama, perpaduan ahli parti penting

KOTA KINABALU: Kekuatan sesebuah parti politik bukan diukur oleh jumlah keahliannya yang besar, tetapi tahap perpaduan dan kerjasama di kalangan ahli.

Presiden Parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar), Datuk Pandikar Amin Mulia, berkata walaupun keahlian Akar tidak ramai berbanding parti lain, perpaduan yang ditunjukkan begitu padu untuk mendukung matlamat perjuangan parti.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran logo baru Akar yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sebuah hotel di sini semalam.

"Tidak ada gunanya kita mempunyai ramai ahli kalau kita asyik bergaduh sesama sendiri kerana berebut kedudukan dalam parti," katanya.

Untuk mencapai matlamat perjuangan parti menerusi BN, katanya adalah perlu menghayati maksud pepatah Melayu `bersatu teguh bercerai roboh.' Beliau berkata, dalam perjuangan politik biarlah seperti kura-kura yang menang berlumba lari dengan arnab, walaupun lambat tetapi konsisten dan akhirnya sampai ke destinasi.

Menurutnya, Akar adalah parti yang menghayati dan mengamalkan konsep BN dalam erti kata yang sebenarnya kerana itu untuk memahami konsep dan falsafah perjuangan BN tidak perlu mempunyai banyak cawangan dan ahli.

(END)